

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

STU334 - Perundangan Sosial

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi lampiran. Sila baca arahan berkaitan lampiran di ms (3).

Anda dikehendaki menjawab TIGA (3) soalan semuanya. Soalan di Bahagian A adalah **wajib**. Pilih DUA (2) soalan daripada Bahagian B. Anda dinasihatkan menjawab setiap soalan dalam 3-6 mukasurat kertas jawapan sahaja.

Bahagian A

Soalan di Bahagian ini **wajib** dijawab.

1. Bincangkan secara kritikal aspek-aspek dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengaitkannya sebagai undang-undang yang memberi identiti kepada Malaysia sebagai sebuah negara merdeka dan yang menjamin kepentingan individu dan masyarakat di Malaysia.

(100 markah)

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan di Bahagian ini.

2. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan undang-undang substantif dan undang-undang prosedural? Bincangkan dalam konteks undang-undang jenayah di Malaysia.

(30 markah)

...2/-

- (b) Dengan merujuk kepada peruntukan dalam perundangan Malaysia yang berkaitan jenayah, bincangkan bagaimana sistem keadilan jenayah mengimbangi hak dan tanggungjawab ahli masyarakat. (70 markah)

3. (a) Dalam filem "A Time to Kill", bekas peguam, **Lucien Wilbanks** berkata,

"This case is unique. If you win, justice is served. Lose, and justice will still prevail".

["Kes ini unik. Jika anda menang, keadilan akan ditegakkan. Kalah, dan keadilan masih ditegakkan"].

Apakah yang dimasukkan oleh **Wilbanks**? Berikan pandangan dan alasan anda sama ada anda bersetuju atau tidak dengan kenyataannya.

(40 markah)

- (b) Bincangkan jenis-jenis hukuman jenayah yang ada di Malaysia dari aspek dasar di sebaliknya dan keberkesannya. (40 markah)

- (c) Berikan pandangan dan alasan anda sama ada anda bersetuju atau tidak hukuman mati di negara ini dimansuhkan. (20 markah)

4. Bahaskan keberkesanan undang-undang Malaysia dalam menjaga kebajikan kanak-kanak. (100 markah)

5. Pilih salah satu daripada aspek undang-undang keluarga Malaysia berikut dan nilaikan keberkesannya dalam memberi keadilan. Berikan juga cadangan-cadangan anda untuk meningkatkan lagi keberkesanan undang-undang tersebut.

(a) undang-undang berkaitan perceraian bagi orang Islam

atau

(b) undang-undang berkaitan perceraian bagi orang bukan Islam

(100 markah)

LAMPIRAN

Arahan berkaitan lampiran

Lampiran-lampiran yang disertakan dalam kertas peperiksaan ini berfungsi hanya sebagai alat bantuan teknikal dalam menjawab soalan-soalan peperiksaan bagi kursus ini. Anda diingatkan bahan-bahan ini **tidak akan membantu anda** jika anda tidak membuat persediaan khusus untuk peperiksaan ini.

Lampiran ini akan dikumpul semula apabila tamat waktu peperiksaan ini. Anda **tidak dibenarkan** membuat sebarang **tulisan atau tanda** di mana-mana mukasurat lampiran ini.

Lampiran ini mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dalam statut-statut berikut:

1. **Perlembagaan Persekutuan**
2. **Kanun Keseksaan**
3. **Kanun Prosedur Jenayah**
4. **Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984**
5. **Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.**